

NAHU BAHASA ARAB: SATU ANALISIS KESALAHAN DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

E-mel: rohaida@usm.my

ABSTRAK

Di Malaysia, kursus bahasa Arab yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi, sama ada di universiti awam atau swasta, menggunakan model pelajaran yang terperinci dan tersendiri demi meningkatkan kefahaman para pelajar. Nahu (tatabahasa) Arab merupakan salah satu cabang ilmu bahasa Arab dalam bidang linguistik. Penguasaan nahu sangat penting untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Namun begitu, pelajar menghadapi kesukaran untuk memahami dan mempraktikkan tatabahasa Arab dengan betul. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, kemahiran ini dianggap sukar dan mencabar bagi pelajar bukan penutur jati kerana bahasa Arab mempunyai sistem tatabahasa yang kompleks dan struktur ayat yang unik. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti kesalahan penggunaan aspek kata dalam tatabahasa bahasa Arab, meninjau kesalahan penggunaan aspek frasa dalam tatabahasa bahasa Arab dan menganalisis kesalahan tatabahasa dari aspek ayat. Kajian ini merupakan gabungan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dan kajian kuantitatif. Data dikumpul melalui sampel data 45 skrip peperiksaan akhir LAA100, LAA200 dan LLA200 Semester 2 2023/2024 dari kalangan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT), Universiti Sains Malaysia (USM). Dapatan kajian ini membuktikan wujud kecenderungan pelajar untuk melakukan pelbagai kesilapan dalam aspek tatabahasa. Namun kesilapan yang paling ketara dilakukan oleh pelajar adalah dari aspek penggunaan kata sebanyak 99 kesalahan (45.8%) dan diikuti oleh kesalahan dari aspek penggunaan frasa sebanyak 67 kesalahan (31%). Kesalahan ayat pula merupakan kesalahan yang paling sedikit dilakukan iaitu sebanyak 50 kesalahan (23.2%). Sebagai kesimpulannya, para pendidik dan pelajar boleh mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi kelemahan tersebut.

Kata kunci: Nahu; Bahasa Arab; Analisis Kesalahan; Pelajar Bukan Penutur Jati

1. PENGENALAN

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa yang paling banyak dituturkan di dunia dan menjadi bahasa utama dalam pelbagai bidang seperti agama, undang-undang dan sains. Selain itu, bahasa Arab juga merupakan bahasa rasmi di beberapa negara seperti Arab Saudi, Mesir dan Jordan serta menjadi bahasa pengantar dalam bidang sains, sejarah dan falsafah. Oleh kerana itu, penguasaan bahasa Arab amat penting, terutamanya dalam kalangan pelajar yang ingin memahami ajaran Islam secara mendalam serta berkomunikasi dengan masyarakat berbahasa Arab.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing di institusi pengajian tinggi di Malaysia telah mengalami perkembangan yang signifikan, seiring dengan keperluan semasa dalam konteks globalisasi ilmu dan hubungan antarabangsa. Di Universiti Sains Malaysia (USM), tanggungjawab ini dipikul oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT) yang berperanan memperkasa pengajaran dan pembelajaran bahasa asing termasuk bahasa Arab bagi menyokong pembangunan kemahiran pelajar secara holistik.

Sejak penubuhannya, PPBLT telah menawarkan kursus bahasa Arab kepada pelajar dari pelbagai pusat pengajian sebagai kursus opsyen dan minor yang bermatlamatkan untuk membina kecekapan asas dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kurikulum pengajaran digubal selaras dengan pendekatan komunikatif (Communicative Language Teaching, CLT), yang

menekankan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar serta penyesuaian dengan keperluan pelajar yang berlatarbelakangkan pelbagai bidang pengajian.

Kursus bahasa Arab ditawarkan sebagai kursus opsyen dan minor kepada pelajar USM. Kursus opsyen terdiri daripada empat peringkat iaitu Bahasa Arab I (LAA100), Bahasa Arab II (LAA200), Bahasa Arab III (LAA300) dan Bahasa Arab IV (LAA400). Setiap kursus opsyen ini selama 14 minggu dengan 4 jam kelas setiap minggu. Manakala kursus minor ditawarkan kepada semua pelajar USM tanpa mengira latar belakang akademik dan terdiri daripada lima peringkat iaitu LLA100 (Bahasa Arab Komunikasi I), LLA200 (Bahasa Arab Komunikasi II), LLA300 (Bahasa Arab Komunikasi III), LLA400 (Bahasa Arab Komunikasi IV) dan LLA401 (Bahasa Arab Perniagaan). Tempoh pengajian adalah selama 14 minggu dengan 6 jam kelas setiap minggu.

PPBLT juga memanfaatkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran selaras dengan hasrat USM sebagai universiti APEX untuk mempertingkatkan inovasi dalam pendidikan tinggi. Penggunaan bahan digital dan pembelajaran dalam talian serta sistem pengurusan pembelajaran seperti eLearning USM telah membolehkan pengajaran bahasa Arab dilaksanakan secara lebih fleksibel dan interaktif.

Secara keseluruhannya, inisiatif pengajaran bahasa Arab di PPBLT bukan sahaja memperkukuh kecekapan bahasa pelajar tetapi juga menyumbang kepada usaha memperluas horizon intelektual dan meningkatkan sensitiviti budaya dalam kalangan generasi muda di Malaysia.

1.2 Permasalahan Kajian

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang paling penting dan banyak digunakan di dunia, terutamanya dalam konteks agama Islam, undang-undang, dan juga budaya. Sebagai bahasa yang digunakan dalam al-Quran dan hadis serta merupakan bahasa rasmi di banyak negara di Timur Tengah namun bagi pelajar bukan penutur jati, pembelajaran bahasa ini sering menimbulkan cabaran terutama dalam aspek tatabahasa (nahu). Kesalahan nahu dalam kalangan pelajar bukan penutur jati adalah fenomena yang biasa dan kesalahan-kesalahan ini dapat menjejaskan kefahaman dan penggunaan bahasa dengan betul.

Walaupun bahasa Arab merupakan bahasa yang kaya dengan struktur dan kaedah tatabahasa yang unik, pelajar yang tidak terbiasa dengan sistem bahasa ini sering menghadapi kesulitan untuk menguasainya dengan tepat. Dalam kalangan pelajar bukan penutur jati, kesalahan nahu bukan sahaja berkaitan dengan aspek morfologi tetapi juga melibatkan sintaksis dan penggunaan peraturan i'rab yang kompleks. Kesalahan ini boleh berlaku pada pelbagai peringkat, termasuk dalam penggunaan kata kerja, kata nama, struktur ayat dan serta tanda baca dan vokal akhir.

Nahu adalah cabang utama dalam bahasa Arab yang berkaitan dengan tatabahasa dan struktur ayat. Ia merangkumi aspek-aspek seperti penggunaan kata kerja (*fi'il*), kata nama (*ism*), *huruf jar* (kata sendi nama) dan peraturan *i'rab* yang menentukan vokal akhir kata. Untuk menghasilkan ayat yang tepat dan bermakna dalam bahasa Arab, pemahaman yang mendalam terhadap nahu adalah sangat penting. Namun, bagi pelajar bukan penutur jati, kesalahan dalam penggunaan nahu sering kali berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk perbezaan struktur tatabahasa antara bahasa Arab dan bahasa ibunda mereka.

Kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar bukan penutur natif boleh membawa kesan yang besar terhadap kemampuan mereka untuk berkomunikasi dengan tepat dalam bahasa Arab. Kesalahan ini

juga boleh menghalang pemahaman terhadap teks-teks Arab yang lebih kompleks, seperti al-Quran dan hadis yang memerlukan kefahaman yang tepat terhadap struktur dan makna ayat. Selain itu, faktor lain seperti pemindahan bahasa (language transfer), ketidaksempurnaan dalam pengajaran dan kurangnya pendedahan yang cukup terhadap struktur nahu yang betul turut menyumbang kepada masalah ini.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesalahan nahu yang berlaku dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Secara spesifik, objektif kajian ini adalah mengenalpasti jenis-jenis kesalahan nahu dari aspek penggunaan perkataan dalam tatabahasa bahasa Arab, meninjau kesalahan penggunaan aspek frasa dalam tatabahasa bahasa Arab dan menganalisis kesalahan tatabahasa dari aspek ayat.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini memiliki beberapa kepentingan yang signifikan dalam konteks pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Kepentingan kajian ini adalah seperti meningkatkan kefahaman terhadap kesalahan nahu dalam kalangan pelajar bukan penutur jati, menjadi rujukan kepada pengajaran dan kurikulum bahasa arab, membantu meningkatkan kualiti pengajaran nahu, mengurangkan kesalahan tatabahasa dalam penggunaan bahasa Arab dan memperbaiki keberkesanan program pembelajaran bahasa arab untuk pelajar bukan penutur jati.

Penyelidik berharap kajian ini dapat membantu memperjelas jenis-jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam pembelajaran bahasa Arab. Dengan memahami kesalahan-kesalahan ini, pendidik dapat mengenal pasti titik lemah dalam penguasaan nahu pelajar dan menyediakan bantuan yang lebih terarah untuk memperbaikinya. Selain itu, kajian ini dapat memberikan wawasan lebih mendalam mengenai cara pelajar bukan penutur jati berinteraksi dengan struktur tatabahasa bahasa Arab yang kompleks.

Dapatan kajian ini berpotensi untuk dijadikan rujukan bagi pengajaran dan penyusunan kurikulum bahasa Arab khususnya dalam konteks pelajar bukan penutur jati. Pengetahuan tentang jenis-jenis kesalahan yang berlaku dalam kalangan pelajar dapat membantu dalam merancang bahan pengajaran yang lebih berkesan serta menentukan kaedah pengajaran yang paling sesuai untuk membantu pelajar mengatasi kesulitan yang mereka hadapi.

Pengkaji mengharapkan untuk memberikan pemahaman yang lebih baik tentang cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari nahu bahasa Arab. Dengan mengetahui faktor-faktor yang menyumbang kepada kesalahan dalam nahu, pendidik dapat memperbaiki kaedah pengajaran mereka. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam kalangan pelajar bukan penutur asli.

Salah satu matlamat utama kajian ini adalah untuk mengurangkan kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar. Dengan menganalisis jenis-jenis kesalahan yang sering berlaku, kajian ini dapat memberikan cadangan yang praktikal untuk mengatasi masalah tersebut. Ini akan memastikan pelajar dapat menguasai nahu bahasa Arab dengan lebih tepat dan berkesan serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap teks-teks Arab yang kompleks seperti al-Quran dan hadis.

Selain dari itu, ia mampu menyumbang kepada perkembangan penyelidikan dalam bidang pembelajaran bahasa Arab, terutamanya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Kajian ini dapat memperkayakan literatur sedia ada mengenai kesalahan dalam pembelajaran bahasa Arab dan

memberi perspektif baru dalam memahami cabaran yang dihadapi oleh pelajar yang bukan penutur jati. Penyelidikan ini juga dapat menjadi asas untuk kajian-kajian selanjutnya yang lebih mendalam mengenai pembelajaran bahasa Arab dan pengajaran nahu.

Kajian ini memberikan panduan kepada pengurus program pendidikan bahasa Arab untuk memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran yang ada. Dengan pemahaman yang lebih baik tentang kesalahan yang sering berlaku dan faktor-faktor penyebabnya, program-program pendidikan bahasa Arab dapat disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelajar bukan penutur jati dengan lebih efektif.

2. KAJIAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian yang mengkaji kesalahan tata bahasa Arab. Antaranya kajian yang dibincangkan oleh Parhan dan Ghufroon Maksum (2022) yang bertajuk *Taksonomi Linguistik, Analisis Kesalahan Bahasa Dalam Pembelajaran Insya*. Berdasarkan keputusan ujian didapati kesalahan umum tugas pembinaan pelajar semester tiga program pengajian Fakulti Tarbiyah Pendidikan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Islam Nurul Iman Parung Bogor adalah sebanyak 29 kesalahan. Kemudian kesalahan berdasarkan linguistik kepada empat bahagian iaitu kesalahan fonologi (11 kesalahan), kesalahan morfologi (7 kesalahan), kesalahan sintaksis (6 kesalahan), kesalahan semantik dan kesalahan perkataan 5.

Selain itu, kajian oleh Azlan Shaiful Baharum dan Rosni Samah (2015) yang mengkaji persepsi pelajar terhadap jenis kesalahan bahasa. Dapatan kajian mendapati pelajar melakukan kesalahan pada tahap tinggi pada semua kesalahan iaitu kesalahan pada sintaksis, morfologi, leksikal dan ortografi.

Ihdatul Hidayah dan Syamsuddin Asyrofi (2018) mengkaji jenis kesalahan sintaksis pada buku teks *DuruSu Al-Lughah Al-AraBiyah 'Ala Thoriqotial-MubaSyarah Al- MutaKamilah* karya Muhammad In'am. Dalam kajian ini, terdapat kesalahan dalam aspek sintaksis bahasa dalam buku teks. Terdapat beberapa kesalahan iaitu kesalahan pada *nakirah ma'rifah, dhamir, huruf jar, murakkab idhafi, isim isyarah, jumlah ismiyah* dan *jumlah fi'liyah*.

Begitu juga Nor Effendy Ahmad Sokri dan Mohammad Rofian Ismail (2017) yang memfokuskan kepada kesalahan nahu (sintaksis) bahasa Arab dalam karangan pelajar pengajian tahun asas Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar melakukan kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin), kesalahan dalam penggunaan kata ganti nama diri (*Dhamir*), kesalahan dalam frasa (*Idhafah* dan *Sifah*) dan kesalahan dalam penggunaan kosa kata (*Mufradaat*). Hasil kajian telah mendapati bahawa kesalahan penggunaan kosa kata (*Mufradaat*) mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50 kesalahan (48.08%). Kekerapan kedua paling tinggi ialah kesalahan penggunaan frasa (*Idhafah* dan *Sifah*) iaitu 29 kesalahan (27.88%) dan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (*Dhamir*) sebanyak 24 kesalahan (23.08%). Manakala jumlah kekerapan kesalahan penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin) ialah 1 (0.96%).

Kajian Mohamad Rofian b Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif dan Nor Effendy Ahmad Sokri (2014) dilakukan dengan tujuan untuk menganalisis kesalahan nahu bahasa Arab dalam karangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar melakukan kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan gender (maskulin&feminin), kata ganti nama diri (*dhamir*), kesalahan frasa (*idafah&sifat*) dan kesalahan penggunaan kosa kata. Hasil kajian juga mendapati bahawa kesalahan penggunaan kosa kata paling banyak dilakukan pelajar

(65 kesalahan). Kesalahan kedua tertinggi pula ialah kesalahan aspek frasa iaitu penggunaan *idafah* dan *sifah* (55 kesalahan) diikuti kesalahan aspek penggunaan gender dan aspek penggunaan kata ganti nama iaitu jumlahnya sama (45 kesalahan).


Dapatan kajian Siti Nabilah Misnan dan Siti Syarwani Ghazali (2019) mendapati bahawa kesalahan pemilihan *mufradat* (kosa kata) mencatatkan jumlah kesalahan paling tinggi iaitu sebanyak 23 kesalahan (56.1%). Diikuti kesalahan kedua paling tinggi iaitu kesalahan penggunaan *muzakkar muannath* (maskulin dan feminin) iaitu sebanyak 12 kesalahan (29.3%). Seterunya, kesalahan pada penggunaan *huruf jar* (kata sendi) yang sesuai iaitu sebanyak 5 kesalahan dengan peratus sebanyak 12.2% dan yang terakhir adalah kesalahan penggunaan *mubtada' khabar* (subjek prediket) iaitu sebanyak 1 kesalahan dengan peratusan sebanyak 24%.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif (mixed-methods) untuk mendapatkan hasil yang lebih komprehensif. Pendekatan kualitatif ialah menganalisis kesalahan nahu (tatabahasa) dalam konteks pembelajaran bahasa Arab. Manakala pendekatan kuantitatif pula ialah pengumpulan data melalui skrip soalan peperiksaan pelajar untuk menganalisis peratusan dan jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar.

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpulkan data dalam kajian ini ialah 45 skrip jawapan kertas peperiksaan akhir LAA100, LAA200 dan LLA200 Semester 2 2023/2024. Manakala prosedur kajian ini melibatkan beberapa langkah utama iaitu persediaan dan pemilihan instrumen kajian, pengumpulan data melalui kertas jawapan peperiksaan akhir dan menganalisis data.


Carta 1: Instrumen Kajian



4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis kajian menunjukkan bahawa pelajar melakukan kesalahan nahu dari aspek kata, frasa dan ayat. Jumlah kekerapan bagi kata, frasa dan ayat ini ditunjukkan dalam Carta 2.


Carta 2: Analisis Kesalahan Nahu



Berdasarkan Carta 2, kesalahan perkataan ialah kesalahan yang paling kerap dilakukan iaitu sebanyak 99 kesalahan (45.8%) diikuti oleh kesalahan frasa iaitu sebanyak 67 kesalahan (31%) dan kesalahan ayat iaitu sebanyak 50 kesalahan (23.2%).

4.1 Kesalahan dari aspek kata

Carta 3: Analisis Kesalahan Kata



Carta 3 menunjukkan responden kajian melakukan kesalahan dalam perkataan dari aspek *huruf istifham* iaitu sebanyak 2 kekerapan (0.9%), *huruf jarr* sebanyak 1 kesalahan (0.5%), *ism isyarah* sebanyak 14 kekerapan (6.5%) dan *fi'il mudhori'* sebanyak 82 kesalahan (37.9%).

4.1.1. Kesalahan penggunaan *huruf istifham* (kata tanya)

Betul	Salah
أَي خدمة؟	ماذا خدمة؟
ماذا تعملين يا هدى؟	ما تعملين يا هدى؟

4.1.2 Kesalahan penggunaan *huruf jarr* (kata sendi nama)

Betul	Salah
تضع الطعام في ثلاجة	تضع الطعام من ثلاجة

4.1.3 Kesalahan penggunaan *ism isyarah* (kata nama tunjuk)

Betul	Salah
هؤلاء طالبات يدرسن في الجامعة	هاتان طالبات يدرسن في الجامعة
هؤلاء طالبات يدرسن في الجامعة	هذه طالبات يدرسن في الجامعة
هذان عمالي يعملان في الشركة	هذه عمالي يعملان في الشركة
هذه بيوت عائلتي	هذان بيوت عائلتي
هؤلاء طالبات يدرسن في الجامعة	هذان طالبات يدرسن في الجامعة
هذان عمالي يعملان في الشركة	هؤلاء عمالي يعملان في الشركة
هذه بيوت عائلتي	هؤلاء بيوت عائلتي
هذه بيوت عائلتي	هاتان بيوت عائلتي

4.1.4 Kesalahan penggunaan *fi 'il mudhori'* (present tense)


Betul	Salah
يجلس الضيوف في الصالون	تجلس الضيوف في الصالون
تتحدث المعلمات باللغة العربية	يتحدثن المعلمات باللغة العربية
تفهم الطالبات الدرس	يفهمن الطالبات الدرس
يستقبل أعمامي الضيوف	يستقبلون أعمامي الضيوف
يغير الموظفون ليرة تركية	يغيرون الموظفون ليرة تركية
تتحدث المعلمات باللغة العربية	يتحدث المعلمات باللغة العربية
تجلس أسرتي في الصالون	يجلس أسرتي في الصالون
محمد يقرأ الجريدة في البيت	محمد أقرأ الجريدة في البيت
الأختان الصغيرتان تلعبان في الصالون	الأختان الصغيرتان يلعبون في الصالون
إخوتي يعيشون في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي بعشن في كوالا لمبور مع زوجاتهم
إخوتي يعيشون في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي تعيش في كوالا لمبور مع زوجاتهم

الأختان الصغيرتان <u>يلعبان</u> في الصالون	الأختان الصغيرتان <u>يلعبان</u> في الصالون
يا طالبات! هل <u>تفهمن</u> الدرس؟	يا طالبات! هل <u>تفهمون</u> الدرس؟
<u>أنت</u> <u>تجلس</u>	<u>أنت</u> <u>يجلس</u>
إخوتي <u>يعيشون</u> في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي <u>يعيشان</u> في كوالا لمبور مع زوجاتهم
<u>أنا</u> <u>أجلس</u>	<u>أنا</u> <u>يجلس</u>
<u>هو</u> <u>يجلس</u>	<u>هو</u> <u>تجلس</u>
إخوتي <u>يعيشون</u> في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي <u>يعيشن</u> في كوالا لمبور مع زوجاتهم
عمتي وخالتي <u>تسكنان</u> في القاهرة	عمتي وخالتي <u>يسكنان</u> في القاهرة
ماذا <u>تعملين</u> يا هدى؟	ماذا <u>تعمل</u> يا هدى؟
أخي الكبير <u>يدرس</u> في الجامعة	أخي الكبير <u>تدرس</u> في الجامعة
يا طالبات! هل <u>تفهمن</u> الدرس؟	يا طالبات! هل <u>تفهمين</u> الدرس؟
عمر وحمدان <u>يكتبان</u> الواجب	عمر وحمدان <u>يكتب</u> الواجب
ليلي وزينب وسلمى <u>يعلقن</u> الزينة	ليلي وزينب وسلمى <u>يعلق</u> الزينة
نحن <u>ننظر</u> إلى الحاسوب	نحن <u>ينظرون</u> إلى الحاسوب
عمر وحمدان <u>يكتبان</u> الواجب	عمر وحمدان <u>يكتبون</u> الواجب
أخي الكبير <u>يدرس</u> في الجامعة	أخي الكبير <u>أدرس</u> في الجامعة
يا طالبات! هل <u>تفهمن</u> الدرس؟	يا طالبات! هل <u>تفهمون</u> الدرس؟
<u>أنا</u> <u>أدرس</u>	<u>أنا</u> <u>تدرس</u>
عمر وحمدان <u>يكتبان</u> الواجب	عمر وحمدان <u>يكتب</u> الواجب
إخوتي <u>يعيشون</u> في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي <u>يعيش</u> في كوالا لمبور مع زوجاتهم
نحن <u>ننظر</u> إلى الحاسوب	نحن <u>تنظر</u> إلى الحاسوب
عمتي وخالتي <u>تسكنان</u> في القاهرة	عمتي وخالتي <u>تسكن</u> في القاهرة
يا طالبات! هل <u>تفهمن</u> الدرس؟	يا طالبات! هل <u>يفهمون</u> الدرس؟
يا زينب! هل <u>تشربين</u> الشاي؟	يا زينب! هل <u>تشربان</u> الشاي؟
عمر وحمدان <u>يكتبان</u> الواجب	عمر وحمدان <u>تكتب</u> الواجب
ليلي وزينب وسلمى <u>يعلقن</u> الزينة	ليلي وزينب وسلمى <u>يعلقون</u> الزينة
هي <u>تعمل</u> في الجامعة	هي <u>يعملون</u> في الجامعة
ليلي وزينب وسلمى <u>يعلقن</u> الزينة	ليلي وزينب وسلمى <u>تعلق</u> الزينة
نحن <u>ننظر</u> إلى الحاسوب	نحن <u>ينظر</u> إلى الحاسوب
هي <u>تعمل</u> معلمة في المدرسة	هي <u>تعملن</u> معلمة في المدرسة
<u>أنت</u> <u>تجلسين</u>	<u>أنت</u> <u>يجلسن</u>
هم <u>يجلسون</u>	هم <u>تجلسون</u>

هو يجلس	هو تجلس
أنت تجلس	أنت يجلس
إخوتي يعيشون في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي يعيشان في كوالا لمبور مع زوجاتهم
أنتم تجلسون	أنتم تجلسين
أنتما تجلسان	أنتما تجلسون
إخوتي يعيشون في كوالا لمبور مع زوجاتهم	إخوتي يعيش في كوالا لمبور مع زوجاتهم
أنت تجلسين	أنت تجلس
أخي الكبير يدرس في الجامعة	أخي الكبير تدرس في الجامعة
الأختان الصغيرتان تلعبان في الصالون	الأختان الصغيرتان يلعبن في الصالون

4.2 Kesalahan dari aspek frasa

Carta 4: Analisis Kesalahan Frasa



Carta 4 menunjukkan responden kajian melakukan kesalahan paling banyak pada *muftada' khobar* iaitu sebanyak 21 kesalahan (9.7%). Manakala kesalahan kedua tertinggi ialah pada *maf'ul bih* sebanyak 17 kekerapan (7.9%). Seterusnya kesalahan pada 'adad ma'dud' sebanyak 12 kesalahan (5.6%). Ia diikuti oleh *sifah mausuf* sebanyak 8 kekerapan (3.7%). Sampel kajian melakukan kesalahan pada *idhofah* sebanyak 7 kali (3.2%). Kesalahan pada *fa'il* mencatat kesalahan yang paling sedikit dengan hanya 2 kesalahan (0.9%).

4.2.1 Kesalahan penggunaan 'adad ma'dud

Betul	Salah
لي سبع أخوات	لي سبعة أخوات

4.2.2 Kesalahan penggunaan *mubtada' khobar* (subjek predikat)

Betul	Salah
فاطمة تدرس في المرحلة العالية	فاطمة أدرس في المرحلة العالية
الجو بارد جدا في فصل الشتاء	الجو باردة جدا في فصل الشتاء
الجو يمتطر في فصل الخريف	الجو تمطر في فصل الخريف
أعمل مهندسا في شركة	أعمل مهندس في شركة
الطفل يقرأ كتب القراءة	طفل يقرأ كتب القراءة
عمرتي جيدة	العمرتي جيدة
المصريون يتناولون فطورا خفيفا	المصريون يتناول فطورا خفيفا
الطالب يفتح الكتاب	الطلاب يفتح الكتاب
محمد يسكن في سكن الطلاب	محمد تسكن في سكن الطلاب
الضيف يجلس في الصالون	الضيوف يجلس في الصالون
الطالبات يدرسن في الفصل	طالبات يدرسن في الفصل
الأب يقرأ الجريدة في الصالون	أب يقرأ الجريدة في الصالون
جد يجلس في الصالون	جد يجلس في الصالون
الأب معلم في المدرسة	الأب معلمة في المدرسة

4.2.3 Kesalahan penggunaan *fa'il* (pelaku)

Betul	Salah
يتحدث المعلمون باللغة العربية	يتحدث المعلمات باللغة العربية

4.2.4 Kesalahan penggunaan *maf'ul bih* (objek)

Betul	Salah
يتناول محمود في الفطور بيضا	يتناول محمود في الفطوربيض
يعمل علي مهندسا	يعمل علي مهندس
أحمد يعمل معلما في الجامعة	أحمد يعمل معلم في الجامعة
أنا أعمل مهندسا في الجامعة	أنا أعمل مهندس في الجامعة
علي يعمل معلما في المدرسة	علي يعمل معلم في المدرسة
أعمل معلما	أعمل معلم
أعمل مهندسا	أعمل مهندس
محمد يعمل معلما في الجامعة	محمد يعمل معلم في الجامعة
محمد يعمل معلما في الصباح	محمد يعمل معلم في الصباح
أحمد يعمل معلما في الصباح	أحمد يعمل معلم في الصباح
أحمد يعمل معلما في المدرسة	أحمد يعمل معلم في المدرسة

عمر يعمل مهندس في الشركة	عمر يعمل مهندسا في الشركة
محمد يعمل مهندس في شاه عالم	محمد يعمل مهندسا في شاه عالم

4.2.5 Kesalahan penggunaan *idhofah*

Betul	Salah
أتناول ثلاث وجبات في اليوم	أتناول الثلاث وجبات في اليوم
في الجامعة تسع كليات	في الجامعة تسع كلية
متى موعد صلاة الفجر؟	متى موعد الصلاة الفجر؟
أدرس في اليوم ثمان مواد	أدرس في اليوم ثمانية مواد

4.2.6 Kesalahan penggunaan *sifah mausuf* (kata adjektif)

Betul	Salah
الساعة الواحدة	الساعة واحد
الساعة الثانية عشرة	الساعة اثنتا عشر
الساعة التاسعة	الساعة التسعة
الساعة الثامنة	الساعة الثمانية
الساعة السادسة	الساعة الستة
الساعة الخامسة	الساعة الخمسة

4.3 Kesalahan dari aspek ayat

Betul	Salah
هواية علي قراءة الكتب	علي هوايتي اقرأ
فصل الشتاء في لندن الآن	الآن بر في لندن
علي وأحمد يقرأ الكتاب في المكتبة	علي وأحمد يقرأ في المكتبة
علي يحب ركوب الخيل	علي أحب
علي يقرأ كتاب العلوم	علي يقرأ الكتب العلوم
هوايتي السباحة في شاطئ البحر	هوايتي الساباه في شرطي
هوايتي جمع الطوابع في الفراغ	هوايتي جمع الطواابع في وقت الفراغ
الفصل في لندن هو فصل الشتاء	الجو في لندن الفصل الشتاء
هذا طفل يحب المراسلة	هذه طفل تحب المراسلة
علي وعائشة يلعبان الثلج في فصل الشتاء	على وعائشة يلعبين في فصل الشتاء
أحمد وعائشة يدرسان في المكتبة	أحمد وعائشة يدرسين في المكتبة
هل ذهبت إلى سوق مكة؟	هل ذهبت إلى السوق مكة؟
يذهب أحمد إلى الشاطئ	يذهب احمد في الشاطئ
يقرأ أحمد المعجم العربي	يقرأ احمد معجم العربي

أحمد وهذيم يعملون في فصل الشتاء	أحمد وحازم يعملان في فصل الشتاء
الساعة ثلاثة إلى الثلاثا	الساعة الثالثة إلا الثلث
الساعة تسعة عسرة تماما	الساعة التاسعة إلا عشرة دقائق
الساعة خمسة إلى الثلاثا	الساعة الخامسة إلا الثلث
المائدة شوكة سكيف	على المائدة شوكة
يتناول محمود في الفطور بيض مقلية	يتناول محمود في الفطور بيضا مقليا
تضع الطعام في سلاجة	تضع الطعام في ثلاجة
أخواتي أاثا يرتبن البيت	أخواتي يرتبن أاثا البيت
ما أنت رقم هاتفني؟	ما رقم هاتفك؟
اسمه أخي محمد الكبير	أخي الكبير اسمه محمد
اسمه أخي الكبير محمد	أخي الكبير اسمه محمد
ما هاتف الرقم؟	ما رقم الهاتف؟
أنا أحب أسرتي كبير	أنا أحب أسرتي الكبيرة
أخي اسمه محمد الكبير	أخي الكبير اسمه محمد
ماذا رقم هاتفني؟	ما رقم هاتفك يا هدى؟
يعمل محمد مهندس في الشركة بيترونس	يعمل محمد مهندسا في شركة بيترونس
توأمان سعيد ومسلم	سعيد ومسلم توأمان
أخواتي أاثا يرتبن البيت	أخواتي يرتبن أاثا البيت
والجد يجلسان الأب في الصالون	الأب والجد يجلسان في الصالون
يا أين أنت عمر؟	أين أنت يا عمر؟
أخواتي البيت يرتبن أاثا	أخواتي يرتبن أاثا البيت
أخواتي يرتبن البيت أاثا	أخواتي يرتبن أاثا البيت
اسمه محمد الكبير أخي	أخي الكبير اسمه محمد
سعيد توأمان ومسلم	سعيد ومسلم توأمان
البيت أخواتي يرتبن أاثا	أخواتي يرتبن أاثا البيت
عمر أين يا أنت؟	أين أنت يا عمر؟
يا أنت أين عمر؟	أين أنت يا عمر؟
أخي محمد الكبير اسمه	أخي الكبير اسمه محمد
أنت عمر يا أين؟	أين أنت يا عمر؟
أخي اسمه محمد الكبير	أخي الكبير اسمه محمد
البيت أاثا يرتبن أخواتي	أخواتي يرتبن أاثا البيت

Kesalahan-kesalahan ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor utama. Pelajar sering memindahkan struktur tatabahasa daripada bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa Arab. Pelajar juga tidak terdedah kepada asas-asas nahu yang penting untuk membentuk ayat yang betul. Kadang-kadang pengajaran nahu tidak ditekankan dengan secukupnya dalam kurikulum menyebabkan pelajar tidak mempunyai pemahaman yang mendalam mengenai konsep-konsep ini.

5. KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji telah melihat kekerapan kesalahan yang dilakukan pelajar. Kesalahan nahu dalam kalangan pelajar bukan penutur jati adalah perkara biasa dalam pembelajaran bahasa Arab. Analisis kesalahan ini menunjukkan bahawa masalah utama terletak pada kekurangan pemahaman terhadap peraturan nahu dan pengaruh pemindahan bahasa. Justeru, pengkaji menyenaraikan beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan dan dipraktikkan oleh tenaga pengajar dan pelajar.

Para pendidik perlu menjelaskan kaedah pembinaan perkataan dalam pembinaan ayat, memfokuskan pengajaran bahasa Arab kepada pembetulan kesalahan dan latihan yang berterusan, menyediakan bahan bantu mengajar yang berkesan dalam berkaitan tatabahasa Arab. Mereka juga harus menggunakan teknologi seperti aplikasi pembelajaran bahasa Arab dan platform dalam talian untuk menyediakan latihan yang lebih interaktif dan menarik. Manakala pelajar perlu membuat latihan tubi dengan kerap berkaitan penulisan bahasa Arab, membaca dan meneliti pembinaan perkataan dalam penulisan bahasa Arab seperti surat khabar, majalah, buku cerita dan sari kata.

6. RUJUKAN

- Ahmad Hafidz Abdullah, Ana Fitriyana & Muhammad Alfian. (2021). Analisis Kesalahan Sintaksis dan Morfologi pada Video Lomba Debat Bahasa Arab. [Online]: https://syekhnurjati.ac.id/jurnal/index.php/ibtikar/article/view/8016/pdf_46. (akses pada 6 Mei, 2025).
- Atina Fahma Rosyada. (2023). Analisis Kesalahan Sintaksis Buku Pelajaran Pendidikan Bahasa Arab Untuk Siswa Sma Dan Smk Muhammadiyah Kelas X11. [Online]: <https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/58712/>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- Azlan Shaiful Baharum & Rosni Samah. (2015). Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi. [Online]: <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/595/537>. (akses pada 1 Mei, 2025).
- Diana Itta Risdiyanti. (2024). Analisis Kesalahan Sintaksis Penerjemahan Teks Bahasa Arab Siswa Kelas Viii A Mts Nu 02 Batang. [Online]: <http://etheses.uingusdur.ac.id/9682/>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- Dzawil Albab, Ria Safitri & Muhammad Alfian. (2021). Kesalahan Morfosintaksis Pada Buku Ajar Bahasa Arab Kelas 5 Mi Terbitan Departemen Pendidikan Hidayatullah. [Online]: <https://journal.uiad.ac.id/index.php/naskhi/article/view/477/416>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- Fany Farkhatun Nisa. (2023). Analisis Kesalahan Fonologi Dan Sintaksis Pada Latar Belakang Skripsi Mahasiswa Program Studi Pendidikan Bahasa Arab. [Online]: <https://journal.unismuh.ac.id/index.php/al-maraji/article/view/13584/6836>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- Fauziah & Neng Nada Putri. (2021). *Analisis kesalahan morfologi dan sintaksis dalam penulisan Bahasa Arab pelajaran Insya: Study analisis santriwati kelas 4 TMI Pondok Pesantren Al-*

- Basyariyyah Cigondewah Bandung*. [Online]: <https://digilib.uinsgd.ac.id/44554/>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- H. Agus Tricahyo, MA. (2021). Error Analysis: Analisis Kesalahan dan Kekeliruan Berbahasa. [Online]: <https://repository.iainponorogo.ac.id/1572/1/720analysisagustricahyo.pdf>. (akses pada 2 Mei, 2025).
- Ida Latifatul Umroh. (2015). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Mahasiswa Universitas Islam Darul 'Ulum Lamongan Jurusan Pendidikan Bahasa Arab. [Online]: <https://ejurnal.unisda.ac.id/index.php/dar/article/view/1318>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Ihdatul Hidayah & Syamsuddin Asyrofi. (2018). Analisis Kesalahan Sintaksis Pada Buku Teks Duru>Su Al-Lughah Al-Ara>Biyah 'Ala> Thoriqotial-Muba>Syarah Al-Muta>Kamilah Karya Muhammad In'am, M.A. [Online]: <https://ejournal.uin-suka.ac.id/tarbiyah/almahara/article/view/2018.042-05/1568>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Jauharotun Ni'mah, Ulita Sari, Nafiul Farist & Bagus Agung Prayoga. (2016). Analisis Kesalahan Sintaksis (Gramatikal) dalam Pembelajaran Ilmu Nahwu Kelas VIII MTs Attanwir Bojonegoro. [Online]: <https://ojs.attanwir.ac.id/index.php/jpba/article/view/310>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Lutvi Ali Sahana Anggian. (2022). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Dalam Muhadatsah Yaumiyyah Santriwati Pondok Modern Arrisalah. [Online]: <https://jurnal.iairm-ngabar.ac.id/index.php/mahira/article/view/200>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Mahir Arriyadli Ma'ruf & Lailatul Mathoriyyah. (2024). Analisis Kesalahan Sintaksis dalam Membaca Teks Arab pada Siswa serta Alternatif Peningkatan Kualitas Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah. [Online]: <https://ejournal.unwaha.ac.id/index.php/lahjah/article/view/4902/2290>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- M. Asy'ari. (2016). Komparasi Nahwu Dalam Bahasa Arab Dan Sintaksis Dalam Bahasa Indonesia Pada Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab Iain Palu. [Online]: <https://jurnal.uindatokarama.ac.id/index.php/ist/article/download/143/92>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Miftahul Azizah, Istiqomah & Lisma Meilia Wijayanti. (2024). Analisis Kesalahan Berbahasa dalam Menulis Teks Pidato Bahasa Arab Siswi Kelas 2 Pondok Modern Arrisalah, Slahung Ponorogo. [Online]: <https://edujavare.com/index.php/jcsc/article/view/326>. (akses pada 2 Mei, 2025).
- Moh. Yusuf Afandi, Ratna Sa'idah. (2023). Kesalahan Bahasa pada Buku Ajar Bahasa Arab Kelas IX MTs Semester Genap yang Disusun Oleh MGMP Kabupaten Kediri. [Online]: <https://jurnalfaktarbiyah.iainkediri.ac.id/index.php/alwasil/article/view/2593>. (akses pada 30 April, 2025).
- Mohamad Hussin & Zawawi Ismail. (2021). analisis kesalahan tatabahasa dalam buku teks bahasa arab LASR KSSM. [Online]: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45148/1/45148.pdf>. (akses pada 13 April, 2025).
- Muhammad Furqan Annajmie, Rafi'atun Najah Qomariah & Muhammad Ridho. (2024). [Online]: <https://www.journal.stitdarulhijrahmtp.ac.id/index.php/Fasahah/article/download/108/pdf>. (akses pada 2 Mei, 2025).
- Muhammad Irfan Mhd Rusdi, Ibrahim Abdullah, Fariz Azzuan Amat Suparia, Muhammad Syaffiq Mohammed Raffi & Farhana Ghazuddin. (2023). Kajian Literatur: Hubungkait Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemahiran Menulis. [Online]: <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/393>. (akses pada 13 April, 2025).
- Mohamad Rofian b Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Nor Effendy Ahmad Sokri. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. [Online]: <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/058-analisis-kesalahan-nahu-bahasa-arab-dalam-karangan-pelajar-kursus-pengukuhan-bahasa-arab.pdf>. (akses pada 15 April, 2025).

- Nor Effendy Ahmad Sokri & Mohammad Rofian Ismail. (2017). Analisis Kesalahan Nahu (Sintaksis) Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). [Online]: https://www.researchgate.net/publication/354052755_Analisis_kesalahan_nahu_sintaksis_bahasa_arab_dalam_karangan_pelajar_pengajian_tahun_asasbahasa_arab_kolej_universiti_islam_antara_bangsa_selangor_kuis. (akses pada 30 April, 2025).
- Nukman. (2021). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Mahasiswa Stit Ibnu Rusyd. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/362096377_analisis_kesalahan_berbahasa_arab_maha_siswa_stit_ibnu_rusyd. (akses pada 2 Mei, 2025).
- Parhan & Ghufon Maksum. (2022). Taksonomi Linguistik, Analisis Kesalahan Bahasa Dalam Pembelajaran Insyah. [Online]: https://www.researchgate.net/publication/365068041_Taksonomi_Linguistik_Analisis_Kesalahan_Bahasa_dalam_Pembelajaran_Insyah. (akses pada 30 April, 2025).
- Siti Nabilah Misnan & Siti Syarwani Ghazali. (2019). Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar dalam Pembelajaran Asas Bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). [Online]: https://conference.uis.edu.my/pasak4/images/kk/bahasa/132-kk_siti_nabilah_misnana_et.al.pdf. (akses pada 30 April, 2025).
- Saidah & Tawakkal (2022). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Dan Implikasinya Pada Makna. [Online]: <https://staialgazalibulukumba.ac.id/jurnal/index.php/AJIE/article/view/5/5>. (akses pada 30 April, 2025).
- Sulaiman Ismail, Yuslina Mohamed, Zainur Rijal Abd Razak, Mohamed Hj Ibrahim, Zulkipli Isa. (2021). Analisis Kesilapan Sintaksis Bahasa Arab dalam Penulisan Karangan Pelajar Natif Bahasa Melayu. [Online]: <https://journal.ump.edu.my/ijleal/article/view/5231/1444>. (akses pada 30 April, 2025).
- Toto Suharto & Ahmad Fauzi. (2017). Analisis Kesalahan Sintaksis Dalam Buku Teks Bahasa Arab Untuk Perguruan Tinggi Keagamaan Islam. [Online]: <https://journal.uinjkt.ac.id/index.php/arabiyat/article/view/5274/pdf>. (akses pada 6 Mei, 2025).
- Utami Maulida. (2021). Kesalahan Berbahasa Tataran Ejaan, Morfologi, Dan Sintaksis Skripsi Mahasiswa Program Studi Pgmi Binamadani. [Online]: <https://www.semanticscholar.org/paper/kesalahan-berbahasa-tataran-ejaan-morfologi-dan-maulida/2f0fe1cc6fd3f2f2c8b81d0e24fc27456dec4d25>. (akses pada 4 Mei, 2025).
- Yudhistira N Nyaran, Zainuddin Soga, Hadirman Hadirman & Alimudin Rivai Tombong. (2022). Analisis Kesalahan Fonologi Dan Sintaksis Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Madrasah Tsanawiyah Kota Manado. [Online]: <https://ejournal.iain-manado.ac.id/index.php/almashadir/article/view/432>. (akses pada 6 Mei, 2025).